

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Wednesday, 29 March, 2017 3:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: MENEROKAI HUTAN SINTOK DENGAN KUASA 4X4



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia



29 MAC 2017 / 21 REJAB 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

PPA UUM CAS MENEROKAI HUTAN SINTOK DENGAN KUASA 4X4





PPA UUM CAS ONLINE: ‘Pengalaman dan cabaran yang pasti tidak dapat dilupakan’ itulah antara kata-kata yang diluahkan oleh staff PPA CAS di dalam Program Kembara Hijau Sintok 4x4 yang diadakan pada 28 Mac 2017 yang lepas. Di dalam program ini, seramai 12 orang staff PPA CAS telah menyertai ekspedisi meredah hutan Sintok untuk menerokai keindahan alam flora dan fauna dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda 4x4 dengan kerjasama Kelab 4x4 Sintok dan Kelab Pajero Jitra 4X4. Objektif program hijau ini ialah untuk mendidik para peserta akan kepentingan menjaga hutan, sentiasa melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang dan untuk mengeratkan hubungan semasa peserta.

Program ini bermula pada jam 9.15 pagi selepas mendengar taklimat mengenai ekspedisi daripada pengerusi Kelab 4x4 Sintok; En. Tarmizi Musa dan ucapan dari Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni, UUM CAS, Dr. Massudi Mahmuddin. Semasa pengembaraan, semua peserta berpeluang melihat keindahan hutan sebenar Sintok yang sebelum ini hanya menjadi bualan di bibir mulut tentang kewujudan hutan Sintok. Apa yang lebih menyeronokkan ialah peluang untuk melihat dan merasai pemandangan kenderaan 4x4 dengan laluan yang tidak dijangka akibat hujan lebat sehari sebelum dan sebelah malamnya. Semasa ekspedisi tersebut, terdapat banyak halangan yang perlu ditempuh yang memerlukan kerjasama di antara semua peserta seperti menolak kereta yang tersekat, memotong pokok yang tumbang dan memikirkan strategi untuk melepasi halangan terutamanya ketika melalui laluan “v-slope”. Ketika di dalam hutan, usah ditanya berapa ekor pacat yang hinggap di kaki peserta, semua dilupakan kerana kegembiraan dan kepuasan selepas merentasi segala halangan.

Secara keseluruhannya, ekspedisi ini hanya melibatkan 14 km namun begitu ia mengambil masa lebih daripada 4 jam untuk tiba di destinasi. Mengikut perancangan, laluan yang sepatutnya ditempuh adalah lebih panjang tetapi disebabkan kesuntukan masa dan masalah teknikal kereta, ia terpaksa berakhir

lebih awal. Sebelum tamat, semua peserta berkelah makan tengah hari di tepi tasik UUM sambil menikmati pemandangan yang indah.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Arts & Sciences

Tel: 049285307 | Faks: 049285310

Emel:cas-sadc@uum.edu.my

Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar &
Alumni



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.